



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 7, November 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Persepsi Murid Terhadap Kesediaan Penggunaan Bahan Bukti dengan Stail Belajar Berbeza

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar yang berbeza. Seramai 521 orang murid Tingkatan Empat melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang diadaptasi, disahkan pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik merupakan instrumen kajian ini. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian *ANOVA* Satu Hala dan *MANOVA* melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti secara keseluruhannya dan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar walaupun stail bersendirian telah mempamerkan min yang lebih tinggi dalam kajian ini. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan stail belajar. Implikasi kajian ini telah mencadangkan bahawa kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti merupakan suatu langkah bijak yang perlu diberi perhatian oleh guru dengan mengubahsuai penggunaannya selari dengan stail belajar murid.

Kata kunci: bahan bukti, stail belajar, kesediaan, persepsi

Students Perception on Readiness of Using Evidence Materials with Different Learning Styles

Abstract

This survey study is aimed to identify the level of student's perception on readiness of using evidence materials with different learning styles. A total of 521 form four students through random sampling techniques are involved in this study. The adapted questionnaire which has validated by experience content expert matters and has a good reliability values are instrument in this study. The data was analyzed descriptively and inferential such as One Ways ANOVA and MANOVA test using IBM SPSS programme. The findings indicated that the level of readiness of using evidence materials in overall and in terms of knowledge, skills and attitudes is at a moderate based on the six types of learning styles and the highly mean is demonstrated by individual learning style students. In addition, the findings of this study also reported that there is no significant difference of readiness of using evidence materials in terms of knowledge, skills and attitudes based on learning style. The implications of this study has suggested that the using evidence materials in learning history is a wise step that teachers should take into account by adjusting its use in line with students learning style.

Keywords: evidence materials, learning style, readiness, perception

Pengenalan

Penggunaan bahan bukti ataupun juga dikenali sebagai sumber sejarah merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah, bahan bukti dirujuk sebagai bahan yang menyediakan pelbagai jenis maklumat tentang sesuatu perkara yang lepas bagi membolehkan murid mencari makna dengan mengembangkan minda mereka (Hazri Jamil, 2003; Johansson, 2017). Hal ini kerana sejarah ditulis berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap bahan bukti sama ada jenis primer mahupun sekunder yang dapat membantu murid-murid untuk mengetahui sesuatu peristiwa sejarah secara kritikal. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis bahan bukti yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah ialah buku, akhbar, majalah, jurnal, risalah, gambar dan sebagainya (Brown & Dotson, 2007; Fitzgerald, 2009; Hover, Hicks & Dack, 2016). Bahan-bahan tersebut amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah kerana ianya dapat membantu murid untuk mencari maklumat-maklumat berkaitan dan membuat perbandingan antara dapatan maklumat-maklumat tersebut (Getman & Culkin, 2017; Suh, 2017). Tambahan pula, penekanan kepada penggunaan bahan bukti dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah berlandaskan kepada struktur dalam disiplin ilmu sejarah itu sendiri yang telah menjelaskan bahawa terdapat keperluan untuk mengintegrasikan penggunaan bahan bukti tersebut (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Hal ini bertujuan untuk mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah yang dapat membentuk daya berfikir kritis yang menjadi salah satu fokus utama dalam penjaanaan modal insan yang seimbang seperti disasarkan dalam proses transformasi pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menyedari kepentingan penggunaan bahan bukti tersebut, maka guru-guru sejarah perlu mengintegrasikan bahan-bahan tersebut dalam proses pengajaran mereka bagi membantu murid-murid untuk membiasakan diri dengan penggunaannya di dalam kelas dengan mencari, mengkaji dan memahami maklumat yang terkandungnya selaras dengan format pentaksiran bagi membolehkan murid-murid diberikan peluang untuk membuat proses kajian sejarah dengan lebih baik. Sungguhpun begitu, adalah diakui bahawa penggunaan bahan bukti secara berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah dipengaruhi oleh sejauh manakah murid-murid bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengoptimumkan penggunaannya semasa proses pembelajaran subjek sejarah di dalam kelas. Persoalan yang sama juga telah diutarakan oleh Tomlinson et al (2003) dan Kearney dan Garfield (2019) dalam artikelnya yang telah menjelaskan bahawa keberkesanan penggunaan bahan-bahan pembelajaran atau pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran yang tertentu dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah dikaitkan dengan aspek sikap murid itu sendiri yang secara langsung mahupun secara tidak langsung dapat mempengaruhi proses perkembangan pembelajaran mereka secara maksimum. Perkara ini kerana kesediaan, kecenderungan, minat serta sokongan-sokongan yang diterima oleh murid-murid adalah didapati mempengaruhi proses pembelajaran yang berpotensi untuk membentuk keadaan belajar untuk mencapai perubahan tingkah laku yang lebih positif (Ozbek, 2015; Ruben, April & Carrie, 2013; Cotterall, 1995). Pendapat ini adalah selaras dengan penjelasan mendalam yang diberikan oleh tokoh falsafah aliran behaviourisme yang pertama iaitu E.L. Thorndike yang telah memperkenalkan Hukum Kesediaan dengan melihat kesediaan murid dari tiga aspek yang utama iaitu kesediaan psikomotor, afektif dan kognitif. Hukum ini telah menerangkan bahawa apabila seseorang murid adalah bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan dan berjaya melakukannya, maka tindakan tersebut akan membawa kepuasan kepadanya. Sebaliknya pula, sekiranya seseorang murid itu belum bersedia untuk melakukan sesuatu, tetapi dipaksa melakukannya, maka tindakan paksaan tersebut akan menimbulkan perasaan tidak gembira (Mok, 2008; Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008).

Tambahan pula, aspek kepelbagaian jenis stail belajar seperti stail visual, auditori, kinestetik dan lain-lain lagi juga didapati memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kesediaan murid-murid untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Hal ini kerana kepelbagaian jenis stail belajar adalah dipengaruhi oleh rangsangan persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan

psikologi seperti dinyatakan oleh Dunn (1984) dalam artikelnya. Oleh itu, adalah tidak dapat disangkal bahawa terdapat sesetengah murid yang didapati kurang bersedia dan tidak bersemangat, malah terdapat juga sesetengah murid didapati sangat teruja dan bersemangat untuk belajar yang telah mencadangkan kepada proses pengubahsuaian pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira aspek persekitaran, bahan pembelajaran, pendekatan, strategi dan sebagainya adalah diperlukan (Minder Kaur, 2017; Landrum & Meduffie, 2010). Oleh kerana penggunaan bahan bukti melibatkan strategi pengajaran berpaksikan murid dan bahan, maka kesediaan murid untuk belajar adalah berlainan bagi setiap murid walaupun umur mereka adalah sama. Sehubungan dengan itu, terdapat satu keperluan kepada pengkaji kajian ini untuk mengenal pasti tahap kesediaan murid dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam menggunakan bahan-bahan bukti dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah berdasarkan jenis stail belajar yang diamalkan oleh murid yang masih belum diterokai lagi. Penerokaan tentang kesediaan berdasarkan stail belajar murid adalah penting bagi membantu guru-guru untuk bijak memilih bahan bukti, khususnya dengan memfokuskan keberkesanan bahan-bahan tersebut menyalurkan maklumat yang disampaikan dan bagaimana bahan-bahan itu dapat dijadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai objektif pembelajaran. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar yang berbeza.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengetahui tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan jenis stail belajar.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti bagi murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan?
 - (a) Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan bagi murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan?
 - (b) Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek kemahiran bagi murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan?
 - (c) Apakah tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek sikap bagi murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar?
 - (a) Adakah terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan stail belajar?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian telah dibentuk bagi menjawab soalan kajian 2 adalah seperti berikut:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang signifikan berdasarkan stail belajar.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang signifikan berdasarkan stail belajar.

Metod Kajian

Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 521 orang murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah daripada menengah harian di utara Semenanjung Malaysia. Jumlah sampel kajian ini adalah melebihi daripada penentuan saiz sampel yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Soal selidik kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti serta *Perceptual Learning Style* (Reid, 1984) yang diadaptasi dan disahkan oleh pakar penilai dalam bidang sejarah merupakan instrumen kajian ini. Nilai *Cronbach Alpha* iaitu 0.93 bagi soal selidik kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dan 0.96 bagi *Perceptual Learning Style* telah menunjukkan instrumen tersebut nilai kebolehpercayaan yang baik (Nunnally, 1978). Selain itu, jenis stail belajar bagi setiap murid dalam kajian ini ditentukan melalui jumlah skor bagi setiap stail gaya belajar yang didarab dua seperti dicadangkan oleh Reid, (1985). Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian *ANOVA* Satu Hala dan *MANOVA* melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dalam kajian ini ditentukan melalui interpretasi tahap yang diberikan oleh Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, (2004) seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
5.01 – 7.00	Tinggi
3.01 – 5.00	Sederhana
1.00 – 3.00	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, (2004)

Dapatan Kajian

Tahap Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar

Berdasarkan Jadual 2, tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti bagi murid stail visual ($M=4.33$, $SD=1.17$), stail auditori ($M=4.37$, $SD=1.04$), stail taktil ($M=4.29$, $SD=1.03$), stail kinestik ($M=4.21$, $SD=1.10$), stail bersendirian ($M=4.43$, $SD=1.15$) dan stail berkumpulan ($M=4.37$, $SD=1.12$) berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, murid stail bersendirian telah melaporkan tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang lebih tinggi berbanding dengan murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestik dan stail berkumpulan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti adalah sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar murid dalam kajian ini.

Jadual 2: Min Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar

Stail Belajar	N	Min (M)	Sisihan piawai (SD)	Tahap
Stail visual	85	4.33	1.17	Sederhana
Stail auditori	93	4.37	1.04	Sederhana
Stail taktil	67	4.29	1.03	Sederhana
Stail kinestik	77	4.21	1.10	Sederhana
Stail bersendirian	106	4.43	1.15	Sederhana
Stail berkumpulan	93	4.37	1.12	Sederhana

Tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan berdasarkan stail belajar

Berdasarkan Jadual 3, tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan bagi murid stail visual ($M=4.23$, $SD=1.18$), stail auditori ($M=4.34$, $SD=1.06$), stail taktil ($M=4.31$, $SD=1.12$), stail kinestik ($M=4.22$, $SD=1.18$), stail bersendirian ($M=4.45$, $SD=1.25$) dan stail berkumpulan ($M=4.38$, $SD=1.20$) berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, murid stail bersendirian telah melaporkan tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan yang lebih tinggi berbanding dengan murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestik dan stail berkumpulan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan adalah sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar murid dalam kajian ini.

Jadual 3: Min Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar (Pengetahuan)

Stail Belajar	N	Min (M)	Sisihan piawai (SD)	Tahap
Stail visual	85	4.23	1.18	Sederhana
Stail auditori	93	4.34	1.06	Sederhana
Stail taktil	67	4.31	1.12	Sederhana
Stail kinestik	77	4.22	1.18	Sederhana
Stail bersendirian	106	4.45	1.25	Sederhana
Stail berkumpulan	93	4.38	1.20	Sederhana

Tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek kemahiran berdasarkan stail belajar

Berdasarkan Jadual 4, tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek kemahiran bagi murid stail visual ($M=4.45$, $SD=1.28$), stail auditori ($M=4.44$, $SD=1.09$), stail taktil ($M=4.34$, $SD=1.05$), stail kinestik ($M=4.15$, $SD=1.16$), stail bersendirian ($M=4.47$, $SD=1.21$) dan stail berkumpulan ($M=4.39$, $SD=1.19$) berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, murid stail bersendirian telah melaporkan tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek kemahiran yang lebih tinggi berbanding dengan murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestik dan stail berkumpulan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek kemahiran adalah sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar murid dalam kajian ini.

Jadual 4: Min Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar (Kemahiran)

Stail Belajar	N	Min (M)	Sisihan piawai (SD)	Tahap
Stail visual	85	4.45	1.28	Sederhana
Stail auditori	93	4.44	1.09	Sederhana
Stail taktil	67	4.34	1.05	Sederhana
Stail kinestik	77	4.15	1.16	Sederhana
Stail bersendirian	106	4.47	1.21	Sederhana
Stail berkumpulan	93	4.39	1.19	Sederhana

Tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek sikap berdasarkan stail belajar

Berdasarkan Jadual 5, tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek sikap bagi murid stail visual ($M=4.32$, $SD=1.28$), stail auditori ($M=4.35$, $SD=1.16$), stail taktil ($M=4.22$, $SD=1.09$), stail kinestik ($M=4.26$, $SD=1.15$), stail bersendirian ($M=4.36$, $SD=1.20$) dan stail berkumpulan ($M=4.34$, $SD=1.21$) berada pada tahap sederhana. Walaubagaimanapun, murid stail bersendirian telah

melaporkan tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek sikap yang lebih tinggi berbanding dengan murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestik dan stail berkumpulan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek sikap adalah sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar murid dalam kajian ini.

Jadual 5: Min Kesediaan terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar (sikap)

Stail Belajar	N	Min (M)	Sisihan piawai (SD)	Tahap
Stail visual	85	4.32	1.28	Sederhana
Stail auditori	93	4.35	1.16	Sederhana
Stail taktil	67	4.22	1.09	Sederhana
Stail kinestik	77	4.26	1.15	Sederhana
Stail bersendirian	106	4.36	1.20	Sederhana
Stail berkumpulan	93	4.34	1.21	Sederhana

Perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan stail belajar

Pengujian Hipotesis H_{01} : Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang signifikan berdasarkan stail belajar.

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan [$F(5, 515)=0.33, p=0.90$] yang menunjukkan bahawa varians antara keenam-enam stail belajar adalah setara, dapatan ujian *ANOVA* pada Jadual 6 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang signifikan berdasarkan stail belajar [$F(5, 515)=0.38, p=0.86$]. Maka, H_{01} telah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan min kesediaan penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar. Oleh itu, min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti adalah sama antara murid stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestik, stail bersendirian dan stail berkumpulan. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar dalam kajian ini.

Jadual 6: Perbezaan Min Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti Berdasarkan Stail Belajar

		Jumlah kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	p
Kesediaan	Antara Kumpulan	2.36	5	0.47	0.38	0.86
	Dalam Kumpulan	632.31	51	1.23		
	Jumlah	634.67	52			
			0			

Pada aras kesignifikan ($p=0.05$)

Pengujian Hipotesis H_{02} : Tidak terdapat perbezaan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang signifikan berdasarkan stail belajar.

Berdasarkan keputusan ujian *Box's M* yang tidak signifikan [$F(30, 514202.84)=0.96, p=0.53$], keputusan ujian multivariat *Wilks' Lambda* pada Jadual 6 menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan utama stail belajar terhadap min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap secara signifikan [$F(15, 1416.57)=1.12, p=0.34, \eta^2=0.01$]. Seterusnya, berdasarkan keputusan ujian *Levene's* bagi min pengetahuan [$F(5, 515)=0.55, p=0.74$], kemahiran [$F(5, 515)=0.75, p=0.59$] dan sikap [$F(5, 515)=0.39, p=0.86$] yang tidak signifikan, keputusan ujian kesan antara subjek dalam Jadual 7 juga telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pengetahuan [$F(5, 515)=0.50, p=0.78, \eta^2=0.00$], kemahiran [$F(5, 515)=0.83, p=0.53$,

$\eta^2=0.01$] dan sikap [$F(5, 515)=0.18, p=0.97, \eta^2=0.00$] dalam kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berdasarkan stail belajar. Maka, hipotesis H_{02} gagal ditolak. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah sama antara murid yang mempunyai stail belajar seperti stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpulan dalam kajian ini.

Jadual 6: Ujian *Multivariate* bagi Konstruk Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti

Kesan		Nilai	F	Hipotesis df	Ralat df	Sig.	Separa Eta Kuasa Dua
Pintasan	<i>Pillai's</i>	0.94	2595.13	3.00	513.00	0.00	0.94
	<i>Trace</i>	0.06	2595.13	3.00	513.00	0.00	0.94
	<i>Wilks'</i>	15.18	2595.13	3.00	513.00	0.00	0.94
	<i>Lambda</i>	15.18	2595.13	3.00	513.00	0.00	0.94
	<i>Hotelling's</i>						
	<i>Trace</i>						
	<i>Roy's</i>						
	<i>Largest Root</i>						
Stail belajar	<i>Pillai's</i>	0.03	1.11	15.00	1545.00	0.34	0.01
	<i>Trace</i>	0.97	1.12	15.00	1416.57	0.34	0.01
	<i>Wilks'</i>	0.03	1.11	15.00	1535.00	0.34	0.01
	<i>Lambda</i>	0.02	2.27	5.00	515.00	0.05	0.02
	<i>Hotelling's</i>						
	<i>Trace</i>						
	<i>Roy's</i>						
	<i>Largest Root</i>						

Jadual 7: Ujian Kesan Antara Subjek bagi Konstruk Kesediaan Terhadap Penggunaan Bahan Bukti

Sumber	Variabel bersandar	Jumlah Kuasa dua Jenis III	df	Kuasa Dua Min	F	Sig.	Separa Eta Kuasa Dua
Model yang diperbetulkan	Pengetahuan	3.39	5	0.68	0.50	0.78	0.01
	Kemahiran	5.66	5	1.13	0.83	0.53	0.01
	Sikap	1.26	5	0.25	0.18	0.97	0.00
Pintasan	Pengetahuan	9529.73	1	9529.73	6965.06	0.00	0.93
	Kemahiran	9745.84	1	9745.84	7104.23	0.00	0.93
	Sikap	9470.76	1	9470.76	6716.13	0.00	0.93
Stail belajar	Pengetahuan	3.39	5	0.68	0.50	0.78	0.01
	Kemahiran	5.66	5	1.13	0.83	0.53	0.01
	Sikap	1.26	5	0.25	0.18	0.97	0.00
Ralat	Pengetahuan	704.63	515	1.37			
	Kemahiran	706.50	515	1.37			
	Sikap	726.23	515	1.41			
Jumlah	Pengetahuan	10482.87	521				
	Kemahiran	10715.29	521				
	Sikap	10438.33	521				
Jumlah yang Diperbetulkan	Pengetahuan	708.02	520				
	Kemahiran	712.16	520				
	Sikap	727.49	520				

^a. R Squared=0.01 (Adjusted R Squared=-0.01)

^b. R Squared=0.01 (Adjusted R Squared=-0.00)

^c. R Squared=0.00 (Adjusted R Squared=-0.01)

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti secara keseluruhannya dan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana bagi keenam-enam jenis stail belajar adalah bertentangan dengan dapatan kajian Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod (2016) dan kajian Norasyikin Osman dan Mohd Isa Hamzah (2017) yang telah melaporkan bahawa tahap kesediaan murid terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran komsas bahasa melayu dan kesediaan murid dalam mengikuti pembelajaran bahasa arab melalui pendekatan pembelajaran teradun adalah tinggi. Sungguhpun begitu, tahap kesediaan yang sederhana dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dilaporkan berdasarkan enam stail belajar iaitu stail visual, stail auditori, stail taktil, stail kinestetik, stail bersendirian dan stail berkumpul dalam kajian ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian Milman dan Bondie (2012) dan Cowgill II dan Waring (2017) yang mendapati bahawa penggunaan bahan bukti yang terhad di dalam kelas telah menimbulkan kesukaran dari segi pengetahuan dan kemahiran dimana murid-murid tidak dapat membuat kajian sejarah serta menjana kemahiran berfikir aras tinggi yang diharapkan dengan berkesan, di samping mereka juga mempamerkan keinginan penerokaan pembelajaran yang rendah.

Sungguhpun begitu, tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang lebih tinggi yang dipamerkan oleh murid stail bersendirian dalam kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian-kajian lepas yang telah melaporkan bahawa penggunaan bahan pembelajaran tertentu memberikan impak dan persepsi yang berbeza berdasarkan stail belajar murid. Antaranya, dalam kajian yang dijalankan oleh Arsyad Abd. Ghani, Nurdin Ibrahim dan Khaerudin (2018) telah melaporkan bahawa penggunaan bahan multimedia dalam bidang sains sosial dapat meningkatkan pencapaian yang tinggi bagi murid stail visual dan auditori, manakala dapatan kajian Siti Hajar Halili, Hamidah Sulaiman, Shukri Sulaiman dan Rafiza Razak (2019) pula juga telah melaporkan bahawa murid stail kolaboratif lebih menggunakan pendekatan *flipped mobile learning* yang tinggi berbanding dengan murid stail *independent, dependent, competitive, avoidant* dan *participative* yang berdasarkan kepada model Stail Pembelajaran *Grasha-Reichmann*. Kedua-dua dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian ini secara tidak langsung disebabkan penggunaan bahan bukti dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah yang melibatkan kepelbagaian jenis media dapat menggalakkan cara belajar yang berbeza-beza mengikut keperluan murid yang pelbagai secara arahan sendiri tanpa menyukarkan proses pembelajaran mereka yang melibatkan aspek keselesaan dan pengurusan pembelajaran yang berkesan (Smith, Murphy & Mahoney, 2010; Keramati, Afshari-Mofrad & Kamroni, 2011).

Tambahan pula, dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan stail belajar adalah konsisten dengan dapatan kajian El-Gilany dan Abusaad (2013) dan kajian Safavi, Shooshtari, Mahmoodi dan Yarmohammadian (2010). Antaranya, dalam kajian El-Gilany dan Abusaad (2013) telah mendapati tidak terdapat perbezaan min kesediaan berdasarkan stail belajar bagi murid jurusan kejururawatan di Saudi walaupun tahap kesediaan yang tinggi terhadap pembelajaran terarah sendiri dipamerkan oleh murid stail *converger, diverger, assimilator* dan *accommodator*, manakala dapatan kajian Safari, Shooshtari, Mahmoodi dan Yarmohammadian (2010) pula telah membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min kesediaan pembelajaran terarah sendiri dan stail belajar murid bidang jururawat di Isfahan *University of Medical Sciences*, Iranian. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kesediaan dan stail belajar adalah bertentangan dengan dapatan kajian Jena (2016) yang melaporkan penggunaan *Virtual Learning Environment* mempunyai hubungan yang signifikan antara kesediaan, sikap dan stail belajar. Justeru, dapat dirumuskan bahawa setiap murid mempunyai tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti yang berbeza berdasarkan stail belajar yang membolehkan guru merancang penggunaan bahan tersebut dengan mengambil kira aspek murid dari aspek kognitif, psikomotor, emosi dan sebagainya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti berada pada tahap sederhana berdasarkan stail belajar dalam kalangan murid, di samping stail belajar didapati tidak mempengaruhi kesediaan terhadap penggunaan bahan bukti dalam proses pembelajaran sejarah. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada guru-guru untuk mengintegrasikan penggunaan bahan bukti secara efisien dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah mengambil kira jenis stail belajar yang berbeza, di samping dengan mengubah persepsi murid yang menganggap bahawa proses pembelajaran sejarah adalah tidak menarik.

Rujukan

- Arsyad Abd Ghani, Nurdin Ibrahim & Khaerudin. (2018). Multimedia use and learning styles on learning achievement in social studies. *International Journal of social sciences and humanities*, 2(2), 187-193.
- Brown, C.A., & Dotson, K. (2007). A Case Study Using Digital Primary Source Documents. *TechTrends*, 51(3), 30-37.
- Cotterall, S. (1995). Readiness for autonomy: Investigating learner belief. *System*, 23(2), 195-205.
- Cowgill II, D.A. & Waring, S.M. (2017). Historical thinking: An evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Dunn, R. (1984). Learning style: state of the science. *Theory into Practice*, 23(1), 10-19.
- El-Gilany, A-H., & Abusaad, F.E.S. (2013). Self directed learning readiness and learning styles among Saudi undergraduate nursing students. *Nurse Education Today*, 33(9), 1040-1044.
- Fitzgerald, J.C. (2009). Textbooks and Primary Source Analysis. *Social Studies Research and Practice*, 4(8), 37-43.
- Getman, J., & Culkin, K. (2017). Close Reading: Engaging and Empowering History Students through Document Analysis on e-Portfolio. *International Journal of e-Portfolio*, 7(1), 29-42.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Jane, R.K. (2016). Investigating the interrelation between attitudes, learning readiness and learning styles under virtual learning environment: A study among Indian Students. *Journal Behaviour & Information Technology*, 35(11), 946-957.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Kearney, W.S & Garfield, T. (2019). Student readiness to learn and teacher effectiveness: Two factors in middle grade mathematics achievement. *Research in Middle Level Education*, 42(5), 1-12.
- Keramati, A, Afshari-Mofrad, M., & Kamroni, A. (2011). The role of readiness factors in E-learning outcomes: An empirical study. *Computers & Education*, 57(3), 1919-1929.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychologist Measurement*. Duluth: University of Minnesota.
- Landrum, T.J., & McDuffie, K.A. (2010). Learning styles in the age of differentiated instruction. *Exceptionality*, 18(1), 6-17.
- Milman, N.B., & Bondie, R. (2012). An examination of teachers' ratings of lesson plans using digital primary sources. *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education*, 12(4), 391-4017.
- Minder Kaur. (2017). To recognize, realize and differentiate the learning needs of students. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 25(2), 503-510.
- Mok, S.S. (2008). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran komsas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 59-67.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2004). *Kemahiran mendengar Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Norasyikin Osman & Mohd Isa Hamzah. (2017). Student readiness in learning Arabic language based on blended learning. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 6(5), 83-89.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed). New York: McGraw Hill.
- Ozbek, E.A. (2015). A classification of student skills and competencies in open and distance learning. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 6(3), 174-185.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003) *Huraian Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reid, J. (1984). Perceptual Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly*, 21, 87-111.
- Ruben, G., April, P.S., & Corrie, A.S. (2013). Differentiated instructional strategies to accommodate students with varying needs and learning styles. *The Urban Education Conference*, 18-20.
- Safavi, M., Shoostari, S., Mahmoodi, M., & Yarmohammadian, M.H. (2010). Self directed learning readiness and learning style among nursing students of Isfahan University of Medical Sciences. *Iranian Journal of Medical Education*, 10(1), 27-36.
- Siti Hajar Halili, Hamidah Sulaiman, Shukri Sulaiman & Rafiza Razak. (2019). Exploring students learning style in using mobile flipped learning classroom. *International and multidisciplinary Journal of Social Sciences*, 8(2), 105-125.
- Smith, P.J., Murphy, K.L & Mahoney, S.E. (2010). Towards indentifying factors underlying readiness for online learning: An exploratory study. *Journal Distance Education*, 24(1), 57-67.
- Suh, Y. (2013). Past Looking: Using Arts as Historical Evidence in Teaching History. *Social Studies Research and Practice*, 8(1), 135-159.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Tomlinson, C.A., Brighton, C., Hertzberg, H., Callahan, C.M., Moon, T.R., Brimijoin, K., Conover, L.A., & Reynolds. (2003). Differentiating Instruction in Response to Student Readiness, Interest and Learning Profile in academically diverse Classrooms: A Review of Literature. *Journal for the Education of the Gifted*, 27(2/3), 119-145.